

# Manfaatkan sebaiknya serat nanas

NANAS adalah tumbuhan asli berasal dari negara-negara Amerika Selatan seperti Brazil, Bolivia dan Paraguay.

Buah nanas tergolong dalam buah bukan klimakterik iaitu buah yang hanya masak di pokok.

Di Malaysia, buahan ini popular ditanam di negeri Johor, Selangor, Kelantan, Pulau Pinang dan Sarawak.

**Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris** berkata, pihaknya sentiasa memberikan



**AINI**

sokongan bagi menjalankan penyelidikan demi memacu kecemerlangan sektor pertanian negara ke peringkat lebih tinggi.

“UPM diberi tanggungjawab dan komitmen yang tinggi dalam penyelidikan berkaitan pertanian.

“Menerusi projek rintis Program Pembangunan Hab Nanas Kuala Langat yang dilancarkan baru-baru ini, ia berupaya memperkasa pihak UPM sebagai pusat kecemerlangan pertanian negara,” katanya ketika ditemui

K2 di Kebun Baharu, Kuala Langat baru-baru ini.

Malah jelasnya, ia secara tidak langsung dapat melonjak jaringan industri di antara UPM dengan masyarakat setempat selari dengan visi universiti itu.

Mengulas mengenai produk daripada serat tumbuhan nanas, Aini berharap inisiatif itu dapat dimanfaatkan sebaiknya.

Kongsinya, memanfaatkan serat daripada tumbuhan nanas dalam bidang sains dan teknologi itu juga dapat meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat.

Ia memiliki potensi nilai jualan yang tinggi dan projek rintis itu wajar diteruskan dalam skala lebih besar.

Katanya lagi, kejayaan dalam projek rintis itu juga berupaya menjadi pemangkin ekonomi setempat dan wajar dicontohi oleh kawasan pertanian lain dalam negara.

Aini berkata, kerjasama dan strategi pihak terlibat ini juga diharapkan dapat meningkatkan kadar keluasan tanaman, bilangan pengusaha serta kadar pengeluaran nanas pada masa hadapan.